

12 OCT 2000

MALAYSIA-PELABURAN

M'SIA AKAN TERUS TARIK PELABURAN AS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia akan terus bersaing dengan negara-negara lain untuk menarik pelaburan-pelaburan asing, termasuklah pelaburan dari Amerika Syarikat.

Bercakap kepada pemberita sekembalinya dari Britain dan Bosnia-Herzegovina, Dr Mahathir berkata Malaysia akan melihat apa lagi yang perlu dibuat daripada segi penyediaan insentif untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan ke Malaysia.

"Kami akan menimbangkan permintaan mereka dan tengok apa yang boleh kita tawarkan. Jika kita tidak mampu untuk menyediakan (apa yang mereka mahu), jadi kita tidak payahlah beri," tambah beliau.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang mengatakan pelaburan-pelaburan dari Amerika Syarikat ke Malaysia mungkin lembap berikutan persaingan dari negara-negara lain.

Laporan itu menyebut Presiden Dewan Perdagangan Amerika-Malaysia Nicholas Zefferys, sebagai berkata Malaysia kini perlu bersaing dengan pelbagai negara untuk menarik pelaburan dari Amerika Syarikat.

Sambil menyatakan yang Malaysia akan terus menjangkakan pelaburan dari Amerika Syarikat tetapi dalam kadar yang agak perlahan, beliau menambah negara-negara lain turut menawarkan insentif yang serupa.

Sementara itu, apabila diminta mengulas mengenai keputusan British Airways menggantung penerbangan ke Malaysia mulai April tahun depan, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu memberi sebarang ulasan (mengenai perkara itu) sehinggalah beliau mendapat butiran terperinci.

British Airways, yang telah mengadakan perkhidmatan penerbangan ke Malaysia sejak 50 tahun lepas, menyatakan yang kerugian operasi merupakan penyebab kepada pergantungan semua penerbangan London-Kuala Lumpur, mulai 1 April, 2001. -- BERNAMA

MAM DVS SHY AA OS